


# Bahasa Melayu: *Warisan* yang Perlu Dipelihara dan Dimartabatkan

**Bahasa Melayu merupakan lambang jati diri bangsa dan warisan yang mencerminkan identiti negara. Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam memupuk perpaduan, menyampaikan ilmu dan mengekalkan nilai budaya.**



**N**amun begitu, dalam arus globalisasi yang berkembang pesat, pengaruh bahasa asing dan sikap masyarakat terhadap bahasa Melayu menjadi cabaran utama. Oleh itu, usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu perlu diperkasakan agar warisan ini terus kekal relevan dan dihormati sepanjang zaman.

Selain itu, bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi tetapi juga berfungsi sebagai simbol identiti nasional yang menyatukan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Bahasa Melayu melambangkan semangat kebangsaan dan perpaduan yang menjadi tunjang keharmonian negara. Sebagai contoh, perisytiharan kemerdekaan negara pada tahun 1957 menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam perjuangan bangsa bagi mencapai kemerdekaan dan mengekalkan kedaulatan negara.

Di samping itu, bahasa Melayu berperanan sebagai medium utama dalam penyampaian ilmu di Malaysia. Sistem pendidikan negara telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran teras pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Melalui bahasa ini, pelbagai ilmu pengetahuan dapat disampaikan kepada pelajar termasuklah bidang sastera, sains, matematik dan teknologi. Usaha ini amat penting bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menguasai pelbagai ilmu tanpa mengorbankan jati diri dan kedudukan bahasa kebangsaan.

Bahasa Melayu melambangkan semangat kebangsaan dan perpaduan yang menjadi tunjang keharmonian negara.

RAMO RAYZMA RAMMA QAMMAHUM 980

Namun begitu, cabaran memartabatkan bahasa Melayu tidak boleh dipandang enteng. Pengaruh globalisasi telah membawa kepada peningkatan penggunaan bahasa Inggeris dalam pelbagai sektor termasuklah ekonomi, pendidikan tinggi dan teknologi. Sebagai contoh, penggunaan bahasa Inggeris sering dianggap lebih profesional dan berprestij, terutamanya dalam sektor korporat. Sikap sedemikian secara tidak langsung menyebabkan bahasa Melayu semakin terpinggir dalam urusan rasmi, sekali gus menjejaskan peranannya sebagai bahasa kebangsaan dan lingua franca negara.


Selain itu, perubahan gaya hidup masyarakat moden turut memberikan kesan terhadap penggunaan bahasa Melayu yang betul. Media sosial telah memperkenalkan budaya penggunaan bahasa ringkas dan slanga yang sering kali menjejaskan tatabahasa dan ejaan. Sebagai contoh, penggunaan perkataan seperti “x” bagi menggantikan “tidak” atau “gud” bagi menggantikan “bagus” semakin berleluasa dalam kalangan generasi muda. Fenomena ini bukan sahaja melemahkan penguasaan bahasa tetapi turut menghakis penghargaan mereka terhadap nilai estetika bahasa Melayu.

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, institusi pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Guru hendaklah diberi latihan yang secukupnya bagi memastikan pengajaran Bahasa Melayu dapat disampaikan kepada pelajar dengan cara yang menarik dan relevan. Pendekatan pengajaran yang lebih interaktif termasuklah penggunaan drama, permainan bahasa dan teknologi multimedia dapat membantu meningkatkan minat pelajar untuk mendalami bahasa ini. Selain itu, karya sastera tradisional seperti pantun, syair dan hikayat wajar diberikan perhatian dalam kurikulum sekolah bagi memupuk apresiasi terhadap warisan bahasa. Mata pelajaran Sejarah juga boleh berperanan dalam memperkukuh penguasaan dan pemahaman bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Di samping itu, peranan teknologi dalam memartabatkan bahasa Melayu juga tidak boleh diketepikan. Bahasa Melayu perlu diintegrasikan dalam pelbagai platform teknologi bagi memastikan kelangsungannya. Sebagai contoh, pembangunan aplikasi mudah alih, perisian pengecaman suara dan laman web berbahasa Melayu dapat memastikan bahasa ini kekal relevan dan mudah diakses oleh generasi muda. Pembangunan teknologi seperti ini bukan sahaja memperkaya penggunaan bahasa Melayu tetapi juga dapat mempromosikan bahasa ini pada peringkat global.

Kerajaan turut memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahasa Melayu terus dimartabatkan. Sebagai contoh, penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi dan dokumen kerajaan hendaklah dikuatkuasakan dengan tegas bagi memastikan bahasa ini kekal sebagai bahasa utama dalam pentadbiran dan komunikasi rasmi. Selain itu, insentif boleh diberikan kepada syarikat yang mengutamakan penggunaan

**Masyarakat juga perlu menyedari tanggungjawab mereka dalam memartabatkan bahasa Melayu. Ibu bapa hendaklah menjadi teladan kepada anak-anak dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam komunikasi di rumah.**



Bahasa Melayu merupakan warisan berharga yang perlu dipelihara.

bahasa Melayu dalam operasi mereka sebagai galakan untuk memperluas penggunaannya dalam sektor korporat. Sokongan terhadap industri kreatif yang menghasilkan karya dalam bahasa Melayu seperti filem, muzik dan buku juga penting bagi menjamin kelangsungan dan perkembangan bahasa ini dalam arus perdana.

Masyarakat juga perlu menyedari tanggungjawab mereka dalam memartabatkan bahasa Melayu.

Ibu bapa hendaklah menjadi teladan kepada anak-anak dengan menggunakan bahasa Melayu yang

betul dalam komunikasi di rumah. Generasi muda pula perlu menyedari bahawa bahasa ini bukan sahaja menjadi alat komunikasi tetapi juga warisan berharga yang perlu dipelihara. Aktiviti seperti pertandingan esei, puisi dan debat dalam bahasa Melayu boleh dijadikan platform untuk memupuk minat dan meningkatkan penguasaan generasi muda terhadap bahasa ini.

Keindahan dan kekayaan bahasa Melayu dapat dilihat melalui elemen tradisional seperti peribahasa, pantun dan hikayat. Sebagai contoh, peribahasa “tak lapuk di hujan, tak lekang di panas” bukan sahaja menggambarkan keindahan bahasa ini tetapi mengandungi pengajaran yang relevan sepanjang zaman. Warisan seperti ini perlu dipelihara kerana mencerminkan nilai budaya dan kebijaksanaan nenek moyang kita yang wajar dihargai dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Di samping itu, pelibatan sektor swasta dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu amat penting. Syarikat korporat boleh memainkan peranan dengan memastikan bahasa ini digunakan secara meluas dalam promosi dan pemasaran produk dan perkhidmatan mereka. Misalnya, penggunaan bahasa Melayu pada pembungkusan produk tempatan bukan sahaja menunjukkan kebanggaan terhadap bahasa Melayu tetapi juga memupuk kesedaran dalam kalangan pengguna. Langkah ini dapat meningkatkan penghargaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan kita, di samping mengukuhkan kedudukannya dalam pelbagai aspek kehidupan.

Sementara itu, kebangkitan sektor seni kreatif turut menyumbang kepada pemerksaan bahasa Melayu. Melalui penerbitan filem, drama dan muzik yang berkualiti tinggi dalam bahasa Melayu secara tidak langsung dapat menarik perhatian rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa. Sebagai contoh, filem seperti *Puteri Gunung Ledang* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* telah mempamerkan keindahan bahasa ini kepada dunia luar. Dalam bidang sastera pula, karya agung seperti novel yang ditulis oleh A. Samad Said dan Usman Awang terus menjadi inspirasi kepada generasi muda, sekali gus mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai medium utama dalam karya kesusasteraan.

Pada peringkat antarabangsa, usaha untuk memperkenalkan bahasa Melayu kepada dunia luar juga perlu dipergiat. Antara langkah yang boleh diambil termasuklah program pertukaran pelajar, penawaran kursus bahasa di universiti luar negara dan promosi budaya Malaysia melalui Kedutaan Besar Malaysia. Sebagai contoh, Leiden Universiti di Belanda telah lama menawarkan kursus bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Hal ini membuktikan bahawa terdapat minat terhadap bahasa dan budaya Malaysia pada peringkat global.

Peranan media juga tidak boleh diabaikan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu. Stesen televisyen, radio dan platform penstriman boleh memperbanyak kandungan program berkualiti yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium utama. Selain itu, media sosial seperti Facebook, Instagram

dan TikTok boleh dijadikan alat untuk mempromosikan bahasa ini secara kreatif kepada generasi muda. Misalnya, kempen seperti #MalaysiaMembaca atau pertandingan video pendek yang bertemakan bahasa Melayu boleh menarik minat lebih banyak individu untuk menghargai dan menggunakan bahasa ini dengan lebih meluas.

Pertubuhan pelajar dan kelab bahasa Melayu di universiti juga boleh memainkan peranan yang penting dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu. Pelaksanaan aktiviti seperti seminar, bengkel dan forum yang membincangkan keindahan bahasa Melayu bukan sahaja memperkaya ilmu tetapi juga meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bahasa Melayu. Selain itu, kerjasama antara institusi pendidikan di negara-negara ASEAN dapat membuka peluang untuk mempromosikan bahasa Melayu sebagai bahasa serantau dan memperkukuh kedudukannya pada peringkat antarabangsa.

Bahasa Melayu juga perlu dimartabatkan dalam sektor penyelidikan dan penulisan ilmiah. Universiti dan pusat penyelidikan hendaklah menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam penerbitan jurnal ilmiah, tesis dan pembentangan kertas kerja. Peningkatan jumlah penulisan akademik dalam bahasa Melayu berpotensi memperkukuh kedudukan bahasa ini sebagai medium ilmu pengetahuan yang setanding dengan bahasa lain pada peringkat global.

Tambahan lagi, pembinaan istilah baharu dalam bidang sains dan teknologi juga penting bagi memastikan bahasa Melayu kekal relevan dalam dunia moden. Sebagai contoh, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) hendaklah terus giat dalam mencipta istilah yang sesuai bagi teknologi terkini seperti kecerdasan buatan, blok rantai dan teknologi hijau. Langkah ini bukan sahaja memastikan penggunaan bahasa yang tepat tetapi juga menunjukkan kemampuan bahasa Melayu untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan zaman.

Komuniti setempat turut memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan bahasa Melayu melalui penganjuran program kesedaran bahasa. Sebagai contoh, penganjuran festival budaya yang menonjolkan seni bahasa seperti deklamasi puisi, persembahan teater tradisional dan pertandingan pantun dapat melahirkan rasa penghargaan masyarakat terhadap bahasa Melayu. Aktiviti seperti ini wajar dianjurkan pada peringkat komuniti, sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi memastikan warisan bahasa terus dihargai dan dipelihara.

Bahasa Melayu merupakan aset negara yang tidak ternilai harganya. Usaha untuk memartabatkan bahasa ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuklah kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat. Dalam dunia yang semakin maju, bahasa Melayu tidak boleh dibiarkan tenggelam dalam arus perubahan. Melalui sikap proaktif dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, bahasa Melayu bukan sahaja dapat dipelihara tetapi juga terus dihormati sebagai simbol jati diri bangsa Malaysia. **Pb**